

Headline	PDRM pikat graduan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Oct 2012	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah & Jenayah	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	198 cm ²
AdValue	RM 1,089	PR Value	RM 3,267



PDRM pikat graduan

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyasarkan majlis konvokesyen yang diadakan institusi pengajian tinggi (IPT) sekarang bagi memikat siswazah menyertai pasukan itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, menerusi langkah itu PDRM berharap dapat mengisi 1,000 jawatan berpangkat inspektor.

"Kita akan melaksanakan secepat mungkin. Sebagai permulaan saya arahkan pengarah atau pihak pengurusan kita berkumpul di majlis konvokesyen yang akan diadakan dalam masa terdekat untuk membuat tawaran kerja," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Menurutnya, PDRM memerlukan lulusan dalam pelbagai bidang serta mereka yang berkualiti untuk dimanfaatkan bagi mempertingkatkan usaha



Ismail (tiga, kanan) beramah mesra dengan sebahagian peserta Kor Suksis IPTA pada program PDRM dan Pelajar Pengajian Tinggi Bersatu Memerangi Jenayah di Bukit Aman.

menjaga keselamatan awam.

Beliau sebelum itu hadir majlis PDRM dan Pelajar Pengajian Tinggi Bersatu Memerangi Jenayah.

Mengulas mengenai program tersebut beliau percaya aktiviti itu mampu memikat mahasiswa "mencintai"

PDRM.

"Hari ini kita menjemput 192 pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Utara Malaysia untuk memperkenalkan PDRM kepada mereka dengan lebih dekat melalui takli-

mat dan lawatan.

"Pendekatan ini bertujuan beri kefahaman tentang sistem kepolisan dan sebagainya merupakan permulaan dan simbolik yang akan dijalankan di seluruh IPT lain termasuk Sabah dan Sarawak," katanya. -Bernama